

Program Pembangunan Minda Insan Anjuran NCRC Kohot Ke-3 Berlangsung Dengan Jayanya.
Northern Corridor Research Centre (NCRC)

Telah Dihantar: 27 Mac 2011 17:04

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Students

Sk: Northern Corridor Research Centre (NCRC)



27 Mac 2011 / 21 RabiulAkhir 1432 H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Program Pembangunan Minda Insan Anjuran NCRC Kohot Ke-3 Berlangsung Dengan Jayanya.

Northern Corridor Research Centre (NCRC) , Universiti Utara Malaysia dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) telah menganjurkan Program Pembangunan Minda Insan Ke-3 pada 10 hingga 16 Mac 2011 bertempat di Kem Sintok dan Kem PLKN UUM Sintok, Kedah. Penyertaan program pada kali ini adalah terdiri daripada pelajar-pelajar miskin iaitu di kalangan ahli isi rumah (Air) e-kasih (umur: 13-15 tahun) sekitar daerah Kubang Pasu, Jitra Kedah.

Bagi mengisi ruang cuti sekolah , peserta-peserta ini telah didedahkan dengan aktiviti-aktiviti yang boleh meningkatkan pembangunan modal insan serta motivasi bagi memajukan diri dalam pelbagai aspek terutamanya dalam bidang akademik dan sahsiah. Majlis penutup telah diadakan pada 16 Mac 2011 bertempat di Kem PLKN UUM Sintok dan disempurnakan oleh Yang Berbahagia Dato' Haji Mohd Arpan Shari, Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA).

Turut hadir di dalam majlis tersebut ialah Yang Berbahagia Datuk Dr. Ahmad Faiz Haji Abdul Hamid, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEP), Tuan Haji Ariffuddin Habib, Timbalan Pengurus Besar Operasi Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA). Pada majlis tersebut peserta-peserta program telah diberikan sijil penyertaan dan cendermata daripada Northern Corridor Research Centre (NCRC).